



15 JUL, 2026

Karnival Jom Masuk UNITEN 2026

Berita Harian, Malaysia



Karnival Jom Masuk UNITEN 2026

Platform sasar
 lepasan SPM,
 STPM terokai
 peluang
 pendidikan tinggi

Kuala Lumpur: Bertemakan eksplorasi akademik dan komuniti, karnival itu menampilkan pelbagai aktiviti interaktif menerusi Hari Terbuka UNITEN yang membolehkan bakal pelajar dan ibu bapa mendapatkan khidmat nasihat akademik secara terus daripada pensyarah serta penasihat akademik.

Pengunjung juga berpeluang menyemak syarat kemasukan program pengajian, selain mendapatkan maklumat mengenai pelbagai bentuk penajaan dan bantuan kewangan ditawarkan.

Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Prof Ir Dr Khairul Salleh Mohamed Sahari, berkata penganjuran karnival itu bukan sahaja bertujuan menarik minat generasi muda

menyertai universiti berkenaan, malah mengukuhkan hubungan antara institusi pendidikan dan komuniti setempat.

"Karnival Jom Masuk UNITEN 2026 platform terbaik untuk bakal pelajar melihat dengan lebih dekat ekosistem pembelajaran pintar, kemudahan sukan moden serta prasarana kampus yang ditawarkan.

"Kami mengalu-alukan kehadiran semua lapisan masyarakat untuk merancang masa depan pendidikan anak-anak, di samping memeriahkan pelbagai aktiviti komuniti dan sukan yang disediakan," katanya.

Beliau berkata, pengunjung yang mendaftar sebagai pelajar sepanjang karnival berpeluang menikmati pelbagai insentif menarik, termasuk tajaan yuran pengajian sehingga 100 peratus bagi calon yang layak, rebat yuran pendaftaran serta hadiah eksklusif untuk pendaftar terawal.

Kaunter pilihan pembiayaan
 Sempena ulang tahun ke-30 penubuhannya, UNITEN turut menawarkan diskaun yuran pengajian serta potongan khas 20 peratus kepada warga kerja UNITEN dan TNB, selain alumni uni-



Hari Terbuka UNITEN bolehkan bakal pelajar dan ibu bapa dapat khidmat nasihat akademik secara terus daripada pensyarah serta penasihat akademik.

versi berkenaan.

Dalam usaha untuk membantu meringankan beban kewangan pelajar, Yayasan Canselor UNITEN bersama beberapa penaja lain turut menyediakan kaunter khas bagi menawarkan pelbagai pilihan pembiayaan termasuk pinjaman, pinjaman pendidikan dan tajaan eksklusif.

Selain aspek akademik, karni-

val itu turut menampilkan pelbagai aktiviti sukan dan keusahawanan seperti UNITEN Sparks Run 2026, pertandingan bola sepak tujuh sebelah dan Street Soccer 3 lawan 3.

Turut diadakan ialah Karnival Jualan Rahmah yang menawarkan pelbagai barangan keperluan harian pada harga berpatutan serta Food Truck Flesta

yang menyediakan pelbagai pilihan makanan dan minuman.

Sebagai nilai tambah, bakal pelajar yang memenuhi syarat kemasukan berpeluang menerima surat tawaran serta merta pada hari karnival berlangsung.

Semua aktiviti yang dianjurkan adalah terbuka kepada orang ramai dan kemasukan adalah percuma.